

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERUTUSAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN YANG KE-31

TEMPAT: ANGKASAPURI

TARIKH: 30 AUG 1988

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam bahagia.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izinNya dapat kita sekali lagi menyambut Hari Kebangsaan -- Hari Kemerdekaan negara -- yang ke-31. Kita juga bersyukur kerana negara kita berada dalam keadaan aman dan sejahtera.

2. Semenjak 31 tahun yang lalu, negara kita telah mencapai banyak kemajuan di dalam berbagai-bagai bidang. Pembangunan dan kemajuan yang kita nikmati telah membawa manfaat kepada rakyat keseluruhannya. Pembangunan dan kemajuan ini dapat dicapai kerana wujudnya keamanan dan kestabilan di negara kita. Kecuali peristiwa Mei, 1969, pada keseluruhannya kita telah dapat merapatkan kaum-kaum dan mencapai persefahaman di kalangan masyarakat majmuk negara ini.

3. Dengan adanya perpaduan dan persefahaman, Malaysia telah melangkah maju ke hadapan. Kerana masyarakat Malaysia bersatu padu, kita dapat menghadapi dan mengatasi berbagai-bagai cabaran, dari dalam dan dari luar, semenjak kita mencapai kemerdekaan. Jelas terbukti bahawa perpaduan amatlah penting sekali dan kerana itulah Kerajaan sentiasa mengutamakan perpaduan. Bagi kita di Malaysia, perpaduan bukan sahaja amat penting kepada kita tetapi juga adalah faktor yang menentukan maju mundurnya negara kita ini.

4. Memandangkan betapa pentingnya perpaduan ini, maka dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan mengambil-kira faktor perpaduan. Dasar Pelajaran Kebangsaan adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi perpaduan di kalangan masyarakat. Dasar Ekonomi Baru juga bertujuan mewujudkan perpaduan yang lebih tulin. Begitu juga dasar-dasar Kerajaan yang lain. Di samping itu, Kerajaan menggalakkan kegiatan-kegiatan dan aktiviti-aktiviti yang boleh mengukuhkan lagi persefahaman dan perpaduan.

5. Tahun ini 'Bersatu' telah dipilih sebagai tema perayaan Hari Kebangsaan. Ini membuktikan tentang betapa pentingnya perpaduan kepada kita. Malahan pada tahun-tahun yang lalu juga tema kita mempunyai unsur-unsur perpaduan dan kesetiaan kepada negara. Perpaduan mestilah sentiasa dijadikan panduan dan asas tindakan dan kegiatan kita.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Kita dapat melihat bagaimana berlakunya perpecahan dan pergaduhan sesama sendiri di antara penduduk-penduduk di setengah-setengah negara. Kerana perpaduan tidak wujud, maka sering berlaku perselisihan, pergaduhan dan juga peperangan saudara. Akibatnya amatlah sedih sekali. Beribu-ribu nyawa terkorban, kebanyakannya mereka yang tidak bersalah, termasuklah kanak-kanak kecil. Hidup dipenuhi dengan penderitaan dan kesengsaraan, harta benda musnah dan rakyat menghadapi kesulitan sepanjang masa.

7. Keadaan sedemikian sudah semestinya menjadi contoh kepada kita, apatah lagi memandangkan corak masyarakat negara kita. Justeru itu, kita mesti berusaha bersungguh-sungguh meningkatkan lagi perpaduan. Sekiranya kita mengabaikan perpaduan, padah akibatnya kepada rakyat dan negara.

8. Dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan lagi perpaduan dan persefahaman di kalangan rakyat, terdapat golongan-golongan yang memperkecil-kecilkan usaha-usaha ini dan ada pula yang menghalangnya. Mereka ini sebenarnya bukan sahaja menjadi pengacau tetapi juga adalah anti masyarakat. Mereka adalah penentang perpaduan masyarakat. Golongan-golongan seumpama ini tidak ingin melihat persefahaman dan kerjasama di kalangan masyarakat Malaysia. Mereka lebih suka melihat masyarakat Malaysia tidak bersatu-padu. Justeru itu, kita mestilah berwaspada dan mengawasi kegiatan-kegiatan golongan anti masyarakat ini. Kita tidak boleh membenarkan mereka merebak dan berkembang.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Jelas terbukti bahawa kemajuan negara kita bergantung besar kepada kestabilan dan perpaduan. Jelas juga bahawa kita mesti berusaha dengan lebih kuat dan gigih lagi untuk mengukuhkan perpaduan nasional. Peranan meningkatkan lagi perpaduan adalah tanggungjawab semua termasuk rakyat, Kerajaan dan agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan serta badan-badan sosial. Setiap daripada kita, apa jua kedudukan kita dalam masyarakat, mempunyai peranan masing-masing bagi mencapai matlamat ini. Masyarakat Malaysia memang sudah mempunyai tata tertib dan sopan santun yang boleh membantu ke arah mewujudkan perpaduan yang lebih kukuh. Memang benar sudah terdapat perpaduan di negara ini, tetapi apa yang kita ingin ialah meningkat dan mengekalkan perpaduan ini.

10. Sepertimana saya sebutkan tadi, kita telah memilih tema 'Bersatu' sebagai tema perayaan Hari Kebangsaan tahun ini. Walau bagaimanapun, mempunyai tema sahaja tidaklah memadai. Kita perlu menghayatinya dalam kehidupan harian kita. Ini amat penting sekali dan adalah diharapkan amalan dan tindakan kita benar-benar mencerminkan masyarakat yang bersatu.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

11. Saya percaya masyarakat Malaysia akan berusaha dengan bersungguh-sungguh agar perpaduan nasional dapat ditingkat dan dikukuhkan lagi. Saya juga yakin bahawa rakyat Malaysia yang mempunyai semangat kesetiaan dan sanggup untuk berkorban akan mengutamakan perpaduan nasional dan persefahaman agar negara Malaysia benar-benar bersatu. Insya-Allah, negara kita akan sentiasa terpelihara dan sentiasa bersatu.
Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum
warahmatullahi wabarakatuh.